



## ***Indigineous tourism - Satu tinjauan awal penglibatan masyarakat Orang Asli dalam industri pelancongan***

Siti Nor Awang<sup>1</sup>, Kamal Solhaimi Fadzil<sup>1</sup>, Wan Suzita Wan Ibrahim<sup>2</sup>, Rosilawati Zainol<sup>2</sup>, Juli Edo<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, <sup>2</sup>Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia,

Correspondence: Siti Nor Awang (email: sitinor@um.edu.my)

### **Abstrak**

Industri pelancongan berkembang pesat di Negara ini semenjak diperkenalkan sekitar tahun 1972 jelas memperlihatkan perkembangan yang cukup memberangsangkan khususnya dari segi sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Lanjutan dari sumbangan ini telah menjadikan sektor pelancongan sebagai salah satu sektor penting dan mendapat perhatian utama dalam agenda pembangunan. Kini, satu bentuk kegiatan pelancongan yang dikenali sebagai eko-pelancongan yang menekankan kepada lawatan ke lokasi yang kaya dengan sumber semula jadi dan dalam masa yang sama menekankan aspek pemuliharaan dan mengekalkannya dalam keadaan semula jadi mula mendapat perhatian pelbagai pihak. Kawasan Hutan Simpan Di Raja Royal Belum merupakan salah satu daripada lokasi terpilih. Apa yang cuba dilaksanakan di Belum-Temengor ini memperlihatkan ciri-ciri '*Indigineous tourism*' atau pelancongan etnik seperti yang telah dijalankan di negara-negara seperti Australia, New Zealand, Afrika dan Amerika Syarikat dan lain-lain lagi melibatkan penyertaan Orang Asli yang mendiami kawasan-kawasan tertentu. Kajian awal ini bertujuan untuk menilai sejahteran kegiatan eko-pelancongan yang mempunyai ciri-ciri pelancongan etnik di Belum-Temengor yang menjadikan kawasan penempatan Orang Asli berupaya di kembangkan sebagai satu tarikan kepada pelancongan. Hasil kajian mendapati masih banyak perkara yang perlu diteliti dalam usaha mencapai matlamat keseimbangan ekonomi dan sosial kepada semua pihak terlibat perlu diberi perhatian.

**Katakunci:** eco-pelancongan, ekonomi Orang Asli, industri pelancongan, pelancongan etnik, Orang Asli, Taman Negeri Royal Belum

## ***Orang Asli (aboriginal) community participation in the tourism industry - A preliminary survey of Belum-Temenggor***

### **Abstract**

Eco-tourism refers to the commercial tourism that draws focus to landscapes or areas rich in biodiversity and unique natural formations while simultaneously promoting the conservation and protection of these areas. One area selected as an eco-tourism destination in Malaysia is the Royal Belum. In Belum-Temengor, eco-tourism emulates, or attempts to emulate the indigenous tourism of such countries as Australia, New Zealand, USA and some African countries. This preliminary study examined, by means of field observation and analyses of tourist arrival records, the extent to which eco-tourism activities in the Belum-Temengor did practice ethnic tourism and whether this had the potential to grow as a tourism attraction. Findings indicated that there was still much work which needed to be done in order to achieve a balance between the economic and social needs of all stakeholders involved.

**Keywords:** eco-tourism, ethnic tourism, indigenous economy, *Orang Asli* community, Royal Belum State Park, tourism industry

## Pengenalan

Perkembangan kegiatan eko-pelancongan di Taman-taman Negara, Taman-taman Negeri, dan kawasan hutan simpan di Malaysia turut menekankan kepentingan melibatkan sama masyarakat setempat dalam industri pelancongan (Badaruddin, 2002; Norizan, 2000). Namun sehingga kini sejauh manakah masyarakat setempat dilibat sama dalam industri ini masih menjadi tanda tanya. Adakah masyarakat setempat terlibat sebagai ‘objek’ atau ‘produk’ untuk dilihat oleh pelancong masih berlaku atau penglibatan mereka yang lebih luas dalam industri ini sudah berlaku? Artikel ini cuba mengupas isu penglibatan masyarakat setempat dan cabaran yang dihadapi dalam usaha mengembangkan kegiatan eko-pelancongan yang melibatkan masyarakat *Orang Asli* di Taman Negeri Royal Belum.

Polisi mengembangkan industri eko-pelancongan di Malaysia berlaku sejajar dengan aset semulajadi yang ada di negara ini. Memandangkan Malaysia memiliki 54 kawasan hutan yang dilindungi dengan keluasan melebihi 1,000 hektar setiap satu dan jumlah keluasan keseluruhan adalah 1,483 juta hektar. Jumlah ini adalah 4.5 peratus daripada keluasan negara ini (Norizan 2000). Justeru, usaha mempromosikan eko-pelancongan jelas dilihat ada kewajarannya kerana pelancongan merupakan salah satu industri yang terbesar di seluruh dunia dan ianya sangat penting kerana keupayaanya melibatkan aspek ekonomi, sosial dan politik (Tisdell, 2000; Nash, 1996).

Di Malaysia industri pelancongan telah berkembang pesat semenjak ia mula diperkenalkan sekitar tahun 1972 dengan penubuhan *Tourism Development Corporation Malaysia* (TDCM), namun kepesatan perkembangan industri ini hanya berlaku 15 tahun kemudian apabila Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan dibentuk pada 1987 bagi mengembangkan industri ini. Perkembangan industri pelancongan di Malaysia terbukti melalui pertambahan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara tahun 1990 hingga 2013 menunjukkan peningkatan pendapatan dari RM 2,575.1 juta kepada RM 65.44 billion (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2013). Industri ini telah mendapat perhatian lanjutan daripada sumbangan dari segi ekonomi yang cukup besar kepada Negara. Seterusnya *sustainable tourism* yang menekankan *nature tourism* diperkenalkan sekitar awal tahun 1990an yang sebenarnya secara khusus merujuk kepada eko-pelancongan.

Di peringkat awal perkembangan eko-pelancongan di Malaysia dan negara Asia Tenggara yang lain, tumpuan diberikan kepada kunjungan ke kawasan hutan hujan dan terumbu karang. Namun permintaan oleh pelancong dalam dan luar negara terhadap budaya dan cara hidup masyarakat tempatan atau ‘community-base’ telah mengembang luaskan industri ini (Zeppel, 2006). Di Malaysia kegiatan eko-pelancongan yang melibatkan masyarakat tempatan cukup sinonim dengan *Model Ecologically Sustainable Community Conservation and Tourism* (MESCOT) dalam kalangan penduduk Batu Putih yang mendiami kawasan hilir Sungai Kinabatangan. Kawasan ini telah diiktiraf sebagai *mega-biodivesity* kerana ia menjadi tempat tumpuan hidupan liar tanah rendah khususnya mamalia dan primat. Hasil inisiatif penduduk tempatan dengan kerjasama WWF, model MESCOT ini telah diperkenalkan semenjak tahun 1996 dan telah memberi peluang dan ruang kepada masyarakat setempat dalam kegiatan pemuliharaan hutan hujan, dalam masa yang sama mendapat peluang latihan, meningkatkan kemahiran, dan menjana pendapatan (UNDP, 2012). Kejayaan MESCOT terbukti dengan kewujudan Miso Walai Homestay, Tulun Tokou Handicraf, Kumpulan Persembahan Kebudayaan, di samping berjaya melatih jurupandu dari kalangan masyarakat tempatan. Seterusnya pada tahun 2003 Miso Walai Homestay telah memenangi anugerah Malaysian Community Innisiative (MCIS) atas usaha melibat sama ahli masyarakat dalam eko-pelancongan (Zeppel, 2006). Konsep eko-pelancongan di Malaysia Timur ini terus berkembang dan semakin banyak kawasan yang dikategorikan sebagai sensitif dan kaya dengan sumber flora dan fauna serta kawasan yang didiami oleh masyarakat pribuminya turut sama menyertai program ini. Selain itu, Batang Ai Sarawak merupakan salah satu contoh kegiatan pelancongan alam semulajadi dan budaya digabung jalinkan. Kawasan ini mempunyai tarikan utama yang mana pelancong boleh

berkunjung ke rumah panjang masyarakat Iban yang mendiami kawasan sepanjang Sungai Skrang (Kedit & Sabang, 1994).

Selain itu, kawasan penempatan masyarakat Dusun yang terletak di kaki Gunung Kinabalu, yang lebih dikenali dengan nama Kampung Bunut Tuhan di Ranau, Sabah juga merupakan contoh lain yang memperlihatkan kegiatan eko pelancongan dalam kalangan masyarakat tempatan cuba diketengahkan. Tiga aset penting yang terdapat di kampung ini, 1) tradisi dan budaya, 2) Biofizikal dan 3) Sejarah dan lagenda telah dikenal pasti dan telah menjadikan kawasan perkampungan masyarakat Dusun ini sebagai salah satu destinasi pelancong dari dalam dan luar negara (Pei Sung, Awangku Hassanal Bahar, Justin & Ramzah, 2012).

Sementara di Semenanjung Malaysia, penglibatan masyarakat Orang Asli dan kegiatan eko-pelancongan bukan merupakan perkara baru. Pengenalan kepada kegiatan pelancongan yang melibatkan budaya masyarakat tempatan mula mendapat tempat dan diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Ini terbukti menerusi pelan perancangan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economy Region (NCER) yang merangkumi negeri-negeri seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang, dan Perak Utara. Kawasan ini khususnya yang masih tidak seimbang dari segi pembangunan ekonomi mendapat perhatian dan antara pelan pembangunan ekonomi yang dicadangkan adalah perkembangan eko-pelancongan. Kegiatan eko-pelancongan dilihat berupaya menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lebih mantap disebabkan eset semulajadi kawasan ini yang sememangnya mempunyai nilai yang sangat tinggi.

Lanjutan dari perkembangan ini pelbagai pihak tampil samada pihak kerajaan mahupun pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) membantu mengembangkan kegiatan ini. Pada tahun 2001 apabila pihak *United Nation Global Environmental Facilities* telah memberi peruntukan sejumlah USD2000.00 kepada Persatuan Pencinta Alam Malaysia. Peruntukan ini diberi dengan tujuan untuk memberi latihan kepada masyarakat Semai di Ulu Geroh Perak. Menjelang tahun 2002 masyarakat Semai di sini telah diberi latihan sebagai ‘jurupandu’ atau *nature guides, tour operators, and manufacturing handicraft* dalam usaha memperkenalkan eko-pelancongan dalam kalangan masyarakat Orang Asli (UNDP 2004; Zeppel 2006). Latihan yang diberikan kepada masyarakat Semai ini membolehkan mereka menjadi jurupandu kepada pelawat yang mengunjungi Hutan Simpan Bukit Kinta yang mempunyai tarikan utama iaitu bunga reflesia dan pelbagai jenis flora dan fauna lain (Zeppel, 2006).

Tidak ketinggalan penglibatan masyarakat Mah Meri di Pulau Carey Selangor yang terkenal dengan seni ukiran dan anyaman turut menjadi tumpuan pelancong dan penglibatan mereka telah berupaya mempromosikan masyarakat ini ke seluruh dunia (Rohayu & Noor Sharipah, 2013). Sementara di Pahang, masyarakat Orang Asli dari suku kaum Jakun yang mendiami Taman Negeri Endau Rompin turut terlibat secara langsung sebagai jurupandu kepada pelancong luar negara (Kamaludin, 2008). Tarikan utama kegiatan pelancongan yang melibatkan masyarakat Orang Asli adalah; sewang, seni kreatif, alat muzik dan kraftangan (Adi, Hood & Rashid, 2006).

Seperti yang berlaku di Negara seperti Australia, Canada, New Zealand dan Afrika (Hitcock, 1997; Stewart, 1992; Young, 1989; Tutty, 1993; Lee, 1992), penglibatan masyarakat pribumi dalam industri pelancongan bukan merupakan perkara baru. Sebaliknya telah berkembang dan dikenali ‘*indigenous tourism*’ atau ‘*ethnic tourism*’. Namun di Malaysia keadaannya mungkin sedikit berbeza memandangkan kunjungan pelancongan ke kawasan masyarakat pribumi sememangnya berlaku. Namun secara amnya ia masih berada di tahap awal. Justeru pelancongan yang dinamakan sebagai ‘*indigenous tourism*’ dan ‘*ethnic tourism*’ masih kurang dibincangkan. Apa yang berlaku adalah ianya dikembangkan di bawah kategori eko-pelancongan.

Sehubungan itu artikel ini cuba mengetengahkan potensi pelancongan dan masyarakat pribumi di kawasan Taman Negeri Royal Belum. Dengan menggunakan kaedah kualitatif yakni melalui analisis kandungan dokumen berkaitan, permerhatian, survei dan temubual kajian telah dilakukan di Taman Negeri Royal Belum yang terletak di Daerah Hulu Perak pada 20<sup>th</sup> November 2011-30 Januari 2012. Pengumpulan data adalah tertumpu terhadap dokumen polisi dan strategi perancangan pembangunan pelancongan melalui Rancangan Struktur Daerah Hulu Perak 1995, 2001 dan Laporan Pemeriksaan

Rancangan Struktur Negeri Perak, 2001-2020. Selain itu lawatan tapak juga telah dijalankan untuk memantapkan lagi kajian ini.

## Konsep eko-pelancongan

Di peringkat awal pengenalan kegiatan pelancongan ia lebih dikenali sebagai *tourism*, diikuti dengan *sustainable tourism*, dan yang terkini *ecotourism*. *Sustainable tourism* merujuk kepada ‘*ecological sound and respectful of the needs of all involved*’ (Nash, 1996: 121). Eco-pelancongan merujuk kepada perjalanan dan lawatan ke kawasan semulajadi untuk menghayati dan menikmati alam semulajadi, dalam masa yang sama menggalakan kegiatan pemuliharaan, mengurus tadbir secara seimbang, menggalakan aktiviti pendidikan alam sekitar, dan menggalakan pelibatan masyarakat setempat dalam kegiatan sosio-ekonomi (Ceballos-Lascurain, 1993; Buckley, 1994). Sementara definisi eko-pelancongan oleh *International Ecotourism Society* menjelaskan sebagai ‘*responsible travel to natural areas that conserves the environment and sustain the wellbeing of the local people*’ (Wood, 2002).

Walaupun terdapat perdebatan dalam kalangan sarjana berhubung dengan definisi eko-pelancongan, namun umumnya bersetuju bahawa kegiatan ini melibatkan perjalanan menuju ke kawasan yang kaya dengan sumber semulajadi dari segi biologikal dan sosial, kawasan yang sensitif namun terpelihara, ada elemen pendidikan dan aktiviti pemuliharaan diberi penekanan (Honey, 1999; Buckley, 2000; Boyd & Butler, 1999). Selanjutnya dari segi perkembangan atau evolusi eko-pelancongan seperti yang dinyatakan oleh Boyd & Butler (1999:26) memperlihatkan kegiatan ini mula diperkenalkan sekitar tahun 1950an, dan penekanan diberikan kepada eksplorasi dan pendidikan. Seterusnya selepas 1950an sehingga menjelang 1980an, kelihatan muncul ‘*special interest*’ atau minat khusus kepada pelancong keatas aktiviti ini di samping elemen pendidikan yang masih diteruskan. Bermula 1981 sehingga 1988 muncul elemen baru yang menampakkan aktiviti pemerhatian ke atas budaya dan alam semula jadi mula diberi perhatian. Pada tahap perkembangan yang keempat penekanan diberikan kepada usaha untuk menambah keuntungan dari segi ekonomi kepada masyarakat atau kawasan terbabit. Tahap kelima memperlihatkan perkembangan ke arah mementingkan keadaan alam sekitar dan sosio-budaya yang positif. Maka Negara-negara seperti Australia, Kanada, Afrika dan New Zealand (Hitcock, 1997; Stewart, 1992; Young, 1989; Tutty, 1993; Lee, 1992) adalah antara negara yang mula memberi tumpuan kepada penduduk asalnya untuk dikembangkan kegiatan eko-pelancongan ini. Kegiatan pelancongan ini lebih dikenali sebagai ‘*indigenous tourism*’ atau ‘*ethnictourism*’ dalam usaha mengetengahkan kegiatan eko-pelancongan.

*Indigenous tourism* – menurut Hinch dan Butler (1996) menjelaskan tentang aktiviti pelancongan yang melibatkan masyarakat *indigenous* atau masyarakat asal yang mendiami sesuatu kawasan secara langsung samada mengawal atau mempamerkan budaya dan cara hidup mereka sebagai daya tarikan utama pelancong.

Sementara *ethnic tourism* – merujuk kepada perjalanan yang dilakukan dengan tujuan untuk melihat dan merasai sendiri budaya dan cara hidup kumpulan etnik atau masyarakat tertentu yang dianggap unik. Pelancongan etnik mula dibincangkan sekitar pertengahan tahun 1970 an dan pelopornya adalah Smith (1977) Graburn (1977). Menerusi buku yang berjudul *Hosts and Guests: The Anthropology of Tourism*, Smith menjelaskan pelancongan etnik sebagai satu usaha ‘*marketed to the public in terms of the ‘quaint’ customs of indigenous and often exotic people*’ (Smith, 1977:2). Sementara Graburn (1977:32) membincangkan isu ini lebih lanjut dan menyatakan bahawa ‘*ethnic tourism is a combination of culture and nature tourism*’.

Kini dengan berlakunya perkembangan yang lebih pesat pelancongan etnik di seluruh dunia maka kegiatan pelancongan etnik telah dikembangkan. Pelancong yang terlibat bukan sekadar mengunjungi sekumpulan masyarakat sekadar untuk melihat budaya dan cara hidup yang ‘*exotic*’ sebaliknya pelancong ditawarkan hasil barang kerajinan seperti barang dan pakaian yang dihasilkan oleh etnik terbabit. Perkembangan ini sedikit sebanyak dapat mengembangluaskan budaya material dan bukan material kumpulan masyarakat terlibat untuk disebarluaskan kepada masyarakat umum yang lain. Dengan ini setidak-tidaknya budaya dan cara hidup mereka akan dikongsi, dimartabat dan dapat dikekalkan.

Kegiatan pelancongan etnik sebenarnya boleh melahirkan satu bentuk ‘self-awareness and pride’ dikalangan masyarakat setempat, dan dalam masa yang sama mengukuhkan identiti mereka melalui budaya tempatan yang dianggap menarik (Esman, 1984; Swain, 1990; Johnston, 1990; Klieger, 1990; Boissevain, 1996; Henderson, 2003). Antara pengkaji yang membincangkan pelancongan etnik (Manning, 1979) di Bermuda, (Boissevain, 1996) di Malta, dan (King, 1993), di Malaysia. Pelancongan etnik membuka ruang dan peluang kepada pembentukan imej dan *projection* kepada setiap kumpulan etnik (Roosens, 1989).

Sementara itu King (1993), menjelaskan apa yang berlaku di Malaysia dan di Negara-negara Asia Tenggara yang lain, pelancongan etnik telah membangkitkan kesedaran kepada masyarakat tempatan tentang budaya, identiti nasional, dan warisan. Seterusnya membangkitkan *national pride* dan *commitment*. Menjelang tahun 1990an satu bentuk pelancongan yang hampir sama dengan pelancongan etnik mula menjadi perbincangan ramai sarjana, dan ia lebih dikenali dengan ‘*indigenous tourism*’. Antaranya sarjana yang terlibat adalah seperti; Hinch and Butler (1996), Schmiechen & Boyle (2007), Goodwin (2007), Suntikul (2007), Bratek, Delvin and Simmons (2007).

Hinch and Butler (1996:9) mendefinisikan indigenous tourism sebagai ‘*tourism activity in which indigenous people are directly involve either through control and/or by having their culture serve as the essence of the attraction*’. Selain itu ‘*reunion travellers*’ yang dikategorikan sebagai salah satu daripada cabang *ethnic tourism* juga makin berkembang pesat. Dalam kontek ‘*reunion travellers*’ kumpulan etnik yang telah bermigrasi melakukan ‘*reunion*’ dengan kembali melawati tempat asal mereka, seperti yang berlaku di Amerika, Australasia, Afrik, Eropah dan Asia (King, 1994). Pada masa kini ‘*reunion travellers*’ khususnya di Asia Tenggara berkembang dengan kadar yang memberangsangkan. Kumpulan etnik dari negara-negara Asia Tenggara yang telah bermigrasi samada secara sukarela atau secara paksa mula melakukan lawatan ke negara asal. Contohnya masyarakat Khmer, Cham, Jerai, dan pelbagai kumpulan etnik lain meyelamatkan diri semasa krisis politik di Indochina dan mencari perlindungan di Negara maju mula membuat lawatan kembali ke negeri asal mereka. Kembali ke kampung halaman mencari semula saudara mara yang terpisah sekian lama.


Seterusnya perbincangan tentang perkembangan eko-pelancongan yang di kawasan Taman Royal Belum akan diberi tumpuan. Seperti yang kita sedia maklum, khazanah semulajadi kawasan ini yang kaya dengan flora dan faunanya serta menjadi tempat tinggal masyarakat Orang Asli dari suku Jahai dan Temiar merupakan tarikan utama pelancong ke kawasan ini. Usaha pihak bertanggungjawab untuk mengetengahkan budaya dan cara hidup masyarakat Orang Asli di sini merupakan langkah awal kearah pengenalan ‘*indigenous tourism*’.

Sejauh manakah agenda pelancongan yang dirangka dan dilaksanakan di kawasan ini membuka ruang dan peluang kepada masyarakat ini untuk turut sama terlibat akan diberi tumpuan. Selain itu perbincangan turut dilakukan isu-isu yang wajar diberi perhatian dalam usaha mengembangkan kegiatan ini, dan saranan juga disertakan sebagai langkah awal untuk memastikan semua pihak yang terlibat mendapat manfaat dari ‘*indigenous tourism*’.

## Pelancongan dan Masyarakat Orang Asli di Taman Negeri Royal Belum

Pendekatan pelancongan yg dikenali dengan eko-pelancongan mula diberi penekanan oleh Malaysia bersesuaian dengan matlamat dan usaha kerajaan untuk mengekal dan memulihara warisan semulajadi Negara yang tinggi nilainya. Dalam masa yang sama warisan ini mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Justeru destinasi yang memenuhi kriteria seperti Taman Negeri Royal Belum telah dipilih untuk tujuan ini. Seperti yang kita semua maklum bahawa Malaysia adalah antara 17 negara yang dikategorikan sebagai ‘*megadiversity*’ dan menyimpan lebih 70 peratus pelbagai spesis flora dan fauna yang terdapat didunia (NRE, 2009). Dianggarkan terdapat 15,000 spesis *Vascular plant*, 229 spesis mamalia, 567 spesis reptilia, 290 spesis ikan air tawar, dan lebih 500 spesis hidupan laut yang terdapat di Malaysia (NRE, 2009).

Taman Negeri Royal Belum yang berusia 130 juta tahun merupakan salah satu tapak penting yang dipilih sebagai destinasi eko-pelancongan. Kekayaan sumber semulajadi flora dan fauna yang terdapat di sini adalah antara yang terkaya di dunia. Kawasan ini kaya dengan pelbagai khazanah biodiversiti yang telah diiktiraf sebagai Kawasan Sensitif Alam sekitar Tahap 1 dalam Pelan Fizikal Negara (2005). Kedudukannya di Utara Negeri Perak Darul Ridzuan, dan bersempadan dengan Halabala National Park Thailand di bahagian utara, bersempadan dengan hutan Kelantan di Timur dan di bahagian Barat bersempadan dengan Hutan Simpan Ulu Muda Kedah. Kawasan ini juga merupakan kawasan ketiga terbesar selepas Selangor *Heritage Park* dan Taman Negara Pahang. Berkedudukan koordinat di latitud: 3° 41' - 5° 56' U, dan longitud: 100° 22' - 100° 45' T. Kawasan ini merangkumi Hutan Simpan Belum dengan keluasan keseluruhan 134,167.00 hektar dan telah diwartakan sebagai Taman Royal Belum pada 3 Mei 2007 dengan keluasan 117,500 hektar serta kedudukannya adalah bersempadan dengan Hutan Simpan Temengor seluas 148, 870.00 hektar (Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Perak, 1998).



Sumber: Diubahsuai dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011 dan Jabatan Pemetaan dan Ukur Malaysia

**Peta 1. Kawasan penempatan Orang Asli di Taman Negeri Royal Belum**

Hutan ini menjadi tempat perlindungan kepada hidupan liar seperti *Malayan Tiger*, Seladang, *Sambar Deer*, serow, Tapir, *Malayan sun Bear*, babi hutan, pelbagai spesis monyet. Hutan simpan Belum Temengor juga merupakan satu-satunya hutan di Malaysia yang didiami oleh 10 spesis *hornbill*, sementara reflesia – bunga terbesar di dunia adalah tumbuhan yang hidup subur di sini (WWF, 2007). Taman Royal Belum turut dihubungkan dengan Tasik Temengor yang merupakan tasik buatan terbesar dengan keluasan 15,200 hektar, dan mempunyai 20 buah pulau buatan yang pada asalnya adalah puncak bukit (Pelan Ekopelancongan, 1996).

Di samping kekayaan flora dan fauna yang terdapat di Taman Negeri Royal Belum dan Hutan Simpan Temengor, kawasan ini turut dihuni oleh masyarakat Orang Asli dari suku Jahai dan Temiar. Kawasan Belum Temengor merupakan kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan hutan simpan kekal sejak tahun 1990-an. Jahai (Senoi) dan Temiar (Negrito) merupakan kumpulan etnik Orang Asli yang utama di kawasan ini. Terdapat 19 buah kampung di kawasan ini dan jumlah penduduknya adalah lebih kurang 2,309 orang (JAKOA, 2013) (Rujuk Peta 1).

Di Taman Negeri Royal Belum, aset semula jadi yang terdapat di sini telah diklasifikasikan kepada enam kategori yang utama (rujuk Jadual 2); alam semulajadi, hidupan liar, Bunga Pakma, spesis hidupan lain, air terjun dan perkampungan masyarakat Orang Asli (Rancangan Struktur Daerah Perak, 2012-2015, Perbadanan Negeri Perak, 2012). Daripada enam eset pelancongan yang terdapat di Taman Negeri Royal Belum perkampungan Orang Asli merupakan salah satu eset yang cukup penting. Jika di Negeri Pahang aset semulajadinya telah terbukti dapat dimanfaatkan secara lestari dalam memajukan kegiatan eko pelancongan di hampir semua daerah (Habibah et al., 2013). Maka tidak mustahil aset semulajadi di Taman Negeri Royal Belum termasuk masyarakat Jahai dan Temiar yang merupakan penduduk asal di kawasan ini semenjak sekian lama, dan masih mengekalkan budaya dan cara hidup setempat dapat diketengahkan. Walaupun pembangunan berlaku namun ianya tidak begitu mempengaruhi corak ekonomi dan budaya mereka. Justeru itu, pihak kerajaan negeri Perak mendapati kawasan penempatan Orang Asli di persekitaran semulajadi ini wajar dipromosikan sebagai salah satu destinasi eko-pelancongan. Ianya terbukti melalui polisi dan strategi pembangunan pelancongan yang di laksanakan melalui Rancangan Struktur 2020 dan Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Perak, 2001-2020 Negeri Perak.

**Jadual 2. Taman Royal Belum dan produk pelancongan**

No	Produk Pelancongan	Tumpuan Tarikan	Lokasi
1	Alam Semulajadi/Khazanah	Floran dan Fauna	Taman Royal Belum
2	Hidupan Liar	Gajah, Harimau Belang, Badak Sumatera, Beruang, Tapir dan Seladang	Taman Royal Belum
3	Bunga Pakma	Jenis-jenis Bunga Reflesia – Reflesia Azlanii, Cantlevi, Hasseltii dan Kerrii	Taman Royal Belum
4	Spesis Hidupan Lain	16 spesis mamalia besar, 30 spesis mamalia kecil, 63 spesis avifauna, 23 spesis herpetofauna, 28 spesis ikan air tawar, 63 spesis serangga, 40 spesis burung Enggang Belantara, 17 spesis tumbuhan yang menghasilkan buah-buahan Nadir.	Taman Royal Belum
5	Air Terjun	Air Terjun Sungai Ruok	Taman Royal Belum
6	Perkampungan Orang Asli	Suku Jahai dan Temiar	Kampung Sungai Kejar, Kampung Sungai Tiang

*Sumber:* Disesuaikan dari laporan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (2009), Taman Perbadanan Negeri Perak (2012), Rancangan Struktur 2020 dan Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak untuk tempoh 2012-2015.

Kampung Sugai Kejar dan Kampung Sungai Tiang adalah dua buah kawasan perkampungan Orang Asli yang terdapat di Taman Negeri Royal Belum dan pemilihan kampung ini dilakukan disebabkan

kedudukan geografinya. Kedua-dua kawasan ini terletak di Hulu Sungai Kejar dan Sungai Tiang, untuk sampai ke sini pelancong perlu menaiki bot dan mengambil masa selama tiga hingga empat jam perjalanan. Sepanjang perjalanan pelancong akan menikmati keindahan hutan hujan tropika yang terpelihara. Selain itu kedua-dua kampung ini mempunyai kemudahan jeti untuk pendaratan bot seterusnya pelancong dapat terus sampai ke kawasan penempatan masyarakat Orang Asli di sana.

Budaya dan cara hidup masyarakat ini yang berasaskan kegiatan memburu dan meramu hasil hutan untuk keperluan hidup menjadi aset utama kegiatan '*indigenous tourism*'. Pengunjung akan didedahkan dengan pengetahuan pribumi yang merangkumi pelbagai maklumat, pemahaman dan intepretasi yang melandasi kehidupan mereka. Pengetahuan pribumi ini termasuklah aktiviti pertanian, penternakan, pemburuan, penangkapan ikan, penyembuhan penyakit atau luka, penamaan dan penjelasan tentang fenomena alam yang berlaku dan juga strategi yang digunakan dalam menangani persekitaran yang sentiasa berubah (Nakashima, Prott, & Bridgewater, 2000). Pengetahuan ini mempunyai nilai yang tinggi kerana ia dapat memberi pendedahan dan pendidikan kepada pengunjung atau pelancong tentang keunikan sesebuah kumpulan pribumi. Bagaimana masyarakat pribumi membentuk hubungan dengan alam, tumbuhan, haiwan, dan elemen spiritual dalam kehidupan sehari-hari mereka boleh dikongsi dengan pengunjung. Keharmonian perhubungan di antara masyarakat dan alam sekitar ini membolehkan mereka dapat meneruskan hidup tanpa konflik dengan alam sekitar.

Pengetahuan pribumi turut merangkumi kaedah penghasilan barang keperluan dan kegunaan seperti peralatan memburu dan meramu hasil hutan seperti sumpit, damak, racun Ipoh, dan jebak. Pengunjung boleh melihat cara bagaimana barang ini dihasilkan. Selain itu barang keraf tangan yang dihasilkan oleh masyarakat ini juga boleh dibeli sebagai cenderahati. Sekiranya pelancong ingin lebih mendekati dan memahami budaya masyarakat ini, mereka boleh melakukan '*jungle tracking*' untuk melawat kawasan rayau dan kawasan saka. Tidak kurang menariknya upacara '*bersewang*' yang menjadi tradisi masyarakat ini untuk pelbagai juga boleh dipertontonkan dan disertai oleh pelancong.

Memandangkan potensi yang sedia ada di kawasan asal masyarakat ini mempunyai nilai budaya yang tinggi, maka adalah wajar kegiatan '*indigenous tourism*' ini dikembang luaskan. Selagi ia membawa kebaikan dan menjana pendapatan kepada masyarakat setempat, serta pengekalan budaya dapat diteruskan, maka adalah wajar kegiatan ini dikembangkan.

Potensi mengembangkan kegiatan ini amat luas berdasarkan trend kemasukan pelancong ke Taman Royal Belum dari tahun 2008-2010, didapati peningkatan pelancong tempatan dan antarabangsa berlaku secara berterusan. Kemasukan pelancong domestik mencatat peningkatan dari tahun ke tahun, sejumlah 6,441 ribu orang pelancong tempatan mengunjungi kawasan ini pada tahun 2008 dan meningkat kepada 8,140 ribu orang pada tahun 2010 dan 9,600 ribu orang pada tahun 2012 (lihat Jadual 3). Data ini memberi gambaran potensi yang baik untuk industri '*indigenous tourism*' ini terus dipromosikan.

**Jadual 3. Jumlah pelancong ke Taman Royal Belum**

No	Tahun	Kemasukan Pelancong Domestik dan Antarabangsa			
		Jumlah ketibaan Pelancongan keseluruhan ke Malaysia ( ribu Orang)	Pelancong Domestik (org)	Pelancong Luar (org)	Jumlah (org)
1	2008	25,321.3	6,441	295	6,736
2	2009	31,508.8	4,946	441	5,387
3	2010	32,649.2	8,140	1,170	9,310
4	2011	35,476.5	7,757	901	8,658
5	2012	36,532.4	9,600	1,433	11,033
<b>Jumlah</b>		<b>161,488.2</b>	<b>36,884</b>	<b>4,240</b>	<b>41,124</b>

Sumber: Taman Perbadanan Negeri Perak, 2012

## Cabaran *indigenous tourism* di Taman Royal Belum

Dalam usaha kerajaan mengembangkan eko-pelancongan di Malaysia dan lebih khusus di Taman Negeri Royal Belum, masyarakat Orang Asli perlu turut dilibat sama secara langsung. Misalnya dari segi perlaksanaan, pegglibatan, faedah, dan kesan harus diperincikan agar usaha ke arah mengembangkan '*indigenous tourism*' ini membawa kebaikan kepada semua pihak yang terlibat termasuk kerajaan yang diwakili oleh agensi-agensi khusus, penduduk tempatan, dan pengunjung. Pelancongan yang melibat masyarakat pribumi jika dilaksanakan dengan kaedah dan cara yang betul seperti yang dilakukan di Western Samoa (Notzke, 2006) dan di Taman Negara Pangnirtung (Reimer & Dialla, 1992) membolehkan masyarakat pribumi menjadikan '*indigenous tourism*' sebagai sumber ekonomi baru disamping dapat mempertahankan budaya dan cara hidup mereka. Kejayaan ini boleh dijadikan contoh kepada kumpulan masyarakat pribumi di tempat lain yang ingin memajukan '*indigenous tourism*'.

Asas utama dalam memastikan '*indigenous tourism*' dapat dikembangkan menunjukkan bahawa penekanan kepada penglibatan masyarakat setempat dalam menjayakan kegiatan ini harus diberi keutamaan. Penglibatan dan kerjasama masyarakat setempat dalam isu yang membabitkan persekitaran seperti hutan dalam kajian ini sangat penting kerana sebagai pihak yang berkepentingan yang mendiami kawasan tersebut, mereka biasanya mahir dan amat memahami keadaan persekitaran setempat di tempat yang mereka tinggal, justeru secara tidak langsung mereka dapat memberi dan menyumbang maklumat asas yang berguna dalam menjayakan kegiatan ini (Nur Atiqah et al., 2014). Memandangkan kewujudan masyarakat pribumi dan budaya mereka adalah aset utama, maka kewujudan mereka bukan sekadar sebagai 'objek' dan 'produk' sebaliknya mereka perlu dilibat sama dan diberi hak yang sama dalam industri ini. Kajian terdahulu yang dilakukan di negara seperti Australia dan Afrika mencadangkan agar aspek seperti 'kawalan', 'penglibatan', 'pembuat keputusan' dan 'menentukan arah tuju' harus diberikan kepada kumpulan pribumi terbabit. Ini kerana mereka yang memiliki sumber 'tarikan' dalam mengembangkan '*indigenous tourism*' (Drumm, 1988; Murphy, 1985). Kepentingan 'melibat sama' dan menjaga kepentingan pribumi merupakan perkara asas utama dan paling penting dalam memanjukan '*indigenous tourism*'. Justeru jika dilihat kepada apa yang dilakukan oleh kerajaan Australia jelas menunjukkan keutamaan diberikan ke atas perkara ini. Masyarakat pribumi dibantu dari pelbagai sudut bagi memastikan mereka terlibat sama, selain itu, pihak bertanggungjawab perlu memastikan budaya dan tradisi yang dipamerkan adalah yang asli. Penglibatan masyarakat pribumi juga boleh dikembangkan dengan melibatkan mereka ke dalam sektor pekerjaan yang wujud hasil dari perkembangan industri ini (Western Australia Tourism, 2005).

Antara langkah-langkah yang perlu diambil dalam memajukan masyarakat pribumi yang terlibat dalam projek pelancongan (Brandon, 1993);

1. Memastikan kumpulan terlibat mengetahui perkembangan dan mereka terlibat sama- memberi latihan teknikal, kewangan, dan bantuan bimbingan dan tunjuk ajar.
2. *Empower* masyarakat pribumi dengan melibat sama dalam proses membuat keputusan.
3. Pengurus projek perlu mengenalpasti ketua atau pemimpin dari kalangan masyarakat pribumi untuk mendapat maklumat tentang keinginan, keperluan, dan jangkaan yang diingini oleh mereka.
4. Pengagihan yang sama rata antara masyarakat pribumi dan pihak yang terlibat.
5. Mengawal selia dan menilai perkembangan projek supaya berada pada landasan yang betul.

Dalam hal ini, apa yang berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Taman Negeri Royal Belum perlu diteliti semula khususnya dari segi penglibatan. Sejauh manakah masyarakat pribumi terlibat sama dan diberi hak untuk mengawal dan membuat keputusan dalam memajukan '*indigenous tourism*' perlu diteliti. Keseimbangan antara semua pihak terbabit; kerajaan, pelancong dan penduduk setempat harus mendapat keuntungan yang sama rata. Di samping itu berkaitan pengurusan perlu jelas dan seimbang. Di peringkat awal perlaksanaan latihan dan pendidikan perlu diberikan kepada masyarakat tempatan, dan kaedah terbaik yang boleh dilaksanakan adalah dengan membentuk koperasi seperti yang dilakukan oleh Orang Sungai di Kinabatangan Sabah. Satu badan yang dikenali sebagai Koperasi Pelancongan (KOPEL) dibentuk oleh masyarakat ini dalam mengendali dan menguruskan kegiatan eko-

pelancongan yang melibatkan kawasan dan budaya hidup mereka. KOPEL Berjaya menggabungkan entiti eko-pelancongan utama; Miso Walai Homestay, perkhidmatan bot Talud, perkhidmatan pemandu pelancong Wayon Tokou, kumpulan kebudayaan, dan Persatuan Keraf Tulun Tokou (KOPEL, 2014).

Melalui usaha '*empowerment*' masyarakat tempatan, diyakini usaha pihak kerajaan Negeri Perak secara khusus dan kerajaan Malaysia secara umumnya untuk meningkatkan taraf ekonomi dan menyeimbangkan pencapaian ekonomi mengikut kawasan dan wilayah dapat dicapai. Namun sehingga kini kegiatan eko-pelancongan yang berlaku di Belum-Temengor masih berada pada tahap awal khususnya berhubung dengan penglibatan masyarakat Jahai dan Temiar. Tidak dinafikan wujud penglibatan masyarakat Jahai dan Temiar dalam menyediakan perkhidmatan bot untuk menyusuri tasik Temengor, dan khidmat juru pandu untuk aktiviti menyusuri hutan ditawarkan oleh masyarakat setempat. Namun penyertaan mereka amat terbatas dan peluang untuk mereka melibat sama dalam industri ini secara lebih luas masih terlalu jauh. Justeru satu tindakan yang lebih menyeluruh dan lebih telus harus dilakukan bagi memastikan agenda memajukan ekonomi melalui pelancongan etnik ini dapat direalisasikan.

Selain itu, kempen kesedaran kepada masyarakat disemua peringkat perlu dipertingkatkan. Kekayaan biodiversiti yang dimiliki oleh negara seharusnya diperjelaskan akan kepentingan kewujudan dan kepentingan pemuliharanya perlu dilaksanakan secara serius.

## Kesimpulan

Semenjak tahun 1990an Malaysia mula menyedari sumbangan dan kepentingan industri pelancongan yang membawa pulangan yang besar kepada KDNK Negara, justeru tumpuan kepada pengembangan dan pemantapan industri ini menjadi agenda utama. Pelbagai strategi dirangka dan dilaksanakan termasuklah melalui NCER yang memberi tumpuan kepada keseimbangan pembangunan ekonomi wilayah-wilayah yang ada di Negara ini. Eko-pelancongan merupakan salah satu kegiatan yang dicadangkan dalam usaha menyeimbangkan pembangunan wilayah khususnya di koridor utara. Belum-Temengor yang sememangnya mempunyai nilai yang sangat tinggi sehingga digelar mega *diversity* membuka ruang dan peluang yang cukup luas untuk dikembangkan industri ini. Namun cabaran penting yang dikenal pasti perlu ditangani adalah dari segi ketidak seimbangan kuasa di antara '*stake holder*' dan '*local people*'. Pihak '*stake holder*' yang mempunyai pelbagai kelebihan perlu bersedia memberi peluang dan ruang kepada '*local people*' bermula di peringkat awal seperti memberi latihan kemahiran dan dalam masa yang sama bersedia menjadi rakan kongsi dalam usaha mengembangkan industri ini. Dengan memberi peluang dan membuka ruang kepada masyarakat Jahai dan Temiar di Belum-Temengor untuk terlibat sama sebagai pemain utama dalam kegiatan eko-pelancongan ini akan membuka ruang yang lebih luas ke arah memperkasakan industri pelancongan secara menyeluruh.

Pihak '*stake holder*' perlu telus dalam usaha mengembangkan *indigineous tourism* agar matlamat untuk memastikan budaya dan cara hidup masyarakat setempat terpelihara dan dalam masa yang sama kawasan yang didiami turut tidak terjejas. Seterusnya agenda pemuliharaan akan diteruskan agar kelangsungan dan pengekalan flora dan fauna kekal seperti sedia ada. Namun tidak dapat dinafikan disamping potensi yang cukup baik untuk dikembangkan *indigineous tourism* ini, harus diingatkan bahawa jika usaha ini tidak dirancang dan dilaksanakan dengan teliti kesan negatif yang boleh berlaku akan lebih besar. Ianya buka sekadar merosakan budaya masyarakat Jahai dan Temiar malah boleh membawa kemusnahan kepada kawasan Belum-Temengor yang kaya dengan khazanah semulajadi.

## Penghargaan

Para penulis ingin merakamkan perhargaan kepada pihak Universiti Malaya yang telah menyalurkan bantuan kewangan melalui Geran RG125/11SUS bagi menjayakan projek penyelidikan ini.

## Rujukan

- Adi bin Haji Taha, Hood bin Haji Salleh, Rashid bin Esa (2006) Orang Asli: Khazanah Tersembunyi. Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Akta 134 (1954) Akta Orang Asli. Kerajaan Malaysia.
- Badaruddin Mohamed (2002) The Development of Ecotourism In Malaysia: Is It Really Sustainable? International Year of Ecotourism. Regional Conference in Chiang Mai/Thailand, 3-7 March. Community Based Ecotourism in Southeast Asia.
- Brandon K (1993) Basic Steps Toward Encouraging Local Participation in Nature Tourism Projects. In: Kreg Lindberg, Donald E. Hawkins (eds) *Ecotourism: A Guide for Planner & Managers*, pp.134-151. The Ecotourism Society, North Bennington, Vermont.
- Ceballos-Lascurian, Hector (1991) Tourism, ecotourism and protected areas in ecotourism and resource conservation. Vol (1). Ecotourism and Resource Conservation Project, Kusler.
- Drumm A (1988) New approaches to Community-Based Ecotourism Management. Learning from Ecuador. In: Kreg Lindberg, Donald E. Hawkins (eds) *Ecotourism: A Guide for Planner & Managers*, pp.197-213. The Ecotourism Society, North Bennington, Vermont.
- Goodwin H (2007) Measuring and reporting the impact of tourism on poverty. In: *Tourism Research: New Directions, Challenges and Applications*, pp. 63 – 75. University of Surrey, United Kingdom.
- Graburn H (1977) Tourism: The Sacred Journey. In: Smith V (ed.) *Hosts and Guests: The Anthropology of Tourism*, pp.17-32. University of Pennsylvania Press, Philadelphia.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris, Amriah Buang, Nur Amirah Kamarus Zaman, Sri Winarni Samsir, Ahmad Nazrin Aris Anuar (2013) Pemeriksaan asset semula jadi untuk kelestarian pelancongan di Negeri Pahang. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 9 (3), 80 - 94.
- Hinch T, Butler R (1996) Indigenous Tourism: A Common Ground for Discussion. *Tourism and Indigenous Peoples* pp 3-19.
- Jabatan Perhutanan Negeri Perak (1997) *Laporan Tahunan Perhutanan Negeri Perak, 1997*. Kementerian sumber Asli dan Alam Sekitar.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2008) *Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Perak, 2008-2020*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- JAKOA (2010) Sistem maklumat E-Damak. Jabatan Statistik Malaysia, Putrajaya.
- Kerajaan Negeri Perak (2012) *Perbadanan Taman Negeri Perak 2012*. Setiausaha, Kerajaan Negeri Perak.
- Kedit PM, Sabang CL (1994) Tourism Report: A Re-Study of Skarang Longhouse Tourism. In: King VT (ed) *Tourism in Borneo: Issue and Perspectives, Proceeding No (4)*, pp.59-66. Borneo Research Council, Williamsburg Virginia.
- King VT (1993) Tourism and Culture in Malaysia. In: Hitchcock M, King VT, Parnwell MJG (eds) *Tourism in Southeast Asia*, pp.96-116. Routledge, London.
- Malaysia (1996) *Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 1996*. Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan.
- Majlis Daerah Gerik (2002) *Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak (2002-2015)*. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2007) *Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Blueprint (NCER) 2007-2025*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2005) *Pelan Fizikal Negara 1, April 2005*. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.
- Malaysia (2013) *Laporan Statistik Pelancongan Malaysia, 2013*. Kementerian Pelancongan Malaysia.
- MESCOT (2014) [Cited 20/10/2014]. Available from: <http://mescot.org/index.htm>.
- Nakashima D, Prott L, Bridgewater P (2000) Tapping into the world's wisdom, UNESCO Sources, 125, July-August, p.12.
- Nash D (1996) *Anthropology of Tourism*. Pergamon, New York.

- Notzke C (2006) *The Stranger, the Native and the Land: Perspectives on Indigenous Tourism*. Captus Press, Canada.
- Norizan Md. Nor (2000) Nature Attractions in the Region. Paper presented at Seaceum 7 Seminar, 26-27 September.
- NRE (2000) Fourth National Report to the Convention on Biological Diversity: Malaysia. Conservation and Environmental Management Division, Ministry of Natural Resources and Environment, Malaysia of Pennsylvania Press.
- Nur Atiqah Kamarus Zaman, Habibah Ahmad, Nur Amirah Kamarus Zaman, Er Ah Choy, Hamzah Jusoh, Zaini Sakawi, Amriah Buang (2014) Tahap penglibatan penduduk dalam pembangunan pelancongan Putrajaya. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10 (8), 114 - 123.
- Reimer G, Dialla A (1992) Community Base Tourism Development in Pangnirtung, Northwest Territories: Looking Back and Looking Ahead. A Report Prepared by for: Economic Development and Tourism. Baffin Region (Government of the Northwest Territories). *Culture* 13(2), 67-74.
- Rohayu Rodin, Noor Sharipah Sultan Sidi (2013) Pembinaan Keupayaan dalam Pelancongan Orang Asli: Satu Kajian Kes Dalam Komuniti Mah Meri. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research 2013*. 4-6 Jun. Pulau Pinang, Malaysia. (Unpublished).
- Roosens E (1989) *Creating Ethnicity: The Process of Ethnogenesis*. Sage, Newbury Park, California.
- Smith V (1977) *Hosts and Guests: The Anthropology of Tourism*. Philadelphia University
- Stewart JK (1992) Aboriginal Tourism in Canada: Challenges in Community and Cultural Tourism. In: Laurel JR (ed) *Conference Proceedings of Community and Cultural Tourism*, pp.9-13. Travel and Tourism Research Association Canada.
- Suntikul W, Bauer T, Song H (2009) Pro-poor tourism development in Viengxay, Laos: Current state and future prospects. *Asia Pacific Journal of Tourism Research* 14(2), 153-168.
- Swain M (1990) Commoditizing Ethnicity in Southwest China. *Cultural Survival Quarterly* 14(10), 26-29.
- Tisdell C (ed) (2000) *The Economics of Tourism*. Edward Elgar Pub., Cheltenham, UK; Northampton, MA.
- Toh Pei Sung, Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul, Justin Sentian, Ramzah Dambul (2012) Developing and promoting a highland community livelihood for sustainable tourism: The case of Kg. Bundutuhan, Ranau, Sabah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 8 (5), 94 – 99.
- Tutty D (1993) Putjamira A Development Scenario. Indigenous Australia and Tourism: A Focus on Northern Australia. *Proceeding of the Indigenous Australia and Tourism Conference*, pp.45-46. Darwin.
- Wood ME (2002) A Triple Bottom Line Framework for Sustainable Tourism Development for International Donors. In Conference on Ecotourism and Conservation in the Americas, Stanford University May.
- Young B (1989) New Zealand: Maori Tourism on the Launch Pad. *Tourism Management* 11 (2), 153-156.
- Zeppel H (2006) Indigenous ecotourism: Sustainable development and management (Vol. 3). Cabi.